

(<https://news.usm.my>).

Berita Mutakhir

# 12 MAR

## MICROCREDENTIAL BANTU GURU TINGKATKAN KOMPETENSI DIRI



USM KUBANG KERIAN, 11 Mac 2018 – Universiti Sains Malaysia (USM) maju setapak lagi apabila memperkenalkan program Microcredential yang pertama di Malaysia bagi membantu para guru dalam meningkatkan kompetensi terutamanya memenuhi Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) setiap tahun serta pengurusan masa yang lebih fleksibel.

Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan Pembangunan Pelajar (CDAE) USM, Profesor Madya Dr. Azidah Abu Ziden berkata, microcredential adalah satu program atau modul mikro yang dijalankan dari setengah jam sehingga dua jam sahaja.

"Setiap modul akan ada sekurang-kurangnya lima video berpusatkan guru mengikut bidang kemahiran mereka dan jika guru tersebut selesai menonton kesemua video, beliau akan diberikan lencana menandakan telah menyelesaikan tontonan modul-modul tersebut.

"Untuk menggunakan sistem ini, para guru perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum memilih modul atau kursus yang diinginkan dan bagi lencana yang telah terkumpul akan diberikan sijil untuk membantu memenuhi LDP mereka setiap tahun selain boleh memilih masa yang bersesuaian tanpa perlu

menghadiri kursus di luar kawasan,” katanya.



Tambah Azidah, semua modul dalam sistem ini dimuat naik oleh pensyarah Universiti Awam (UA) mengikut maklum balas guru dan sistem ini mempunyai dua kategori iaitu 'Professional Development' serta 'Personal Development'.

Salah seorang guru yang merupakan Kaunselor Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Melor, Suhaili Sulaiman ketika ditemubual berkata, kaedah menggunakan program microcredential lebih efisien berbanding sistem lama.

“Bagi saya program ini perlu ada di Malaysia kerana dapat membantu para guru dalam menguruskan masa malah modul yang disediakan juga mengikut kepakaran guru tanpa perlu menghadiri kursus kecuali kursus yang memerlukan kaedah 'hands-on'.

“Ada juga guru yang hadir ke kursus hanya untuk cukupkan tempoh LDP yang ditetapkan setiap tahun dan ini merugikan masa serta tenaga guru terbabit,” katanya.

Teks & Foto: Muhd Zulkifli Zakaria



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015